



MILLENIA AQUA SERVICES SDN BHD

Mengawal dan mengurangkan kadar kehilangan air fizikal dalam sebahagian rangkaian agihan air kendalian Lembaga Air Perak (LAP)

RUMUSAN KESELURUHAN



Modal Berbayar



RM2 juta

Objektif Penubuhan



Teloh tercapai

Tadbir Urus Korporat



Kurang memuaskan

Kedudukan Kewangan



Kukuh

PENCAPAIAN OUTPUT



● **3 daripada 4** pencapaian output kurang cekap

- Pembinaan dan pemantauan District Metered Area (**65.7%**)
- Pembaikan berbanding pengesanan kebocoran air (**77%-94.2%**)
- Penyenggaraan pencegahan (**45%-86.6%**)

PENCAPAIAN KEBERHASILAN



● Kadar NRW Negeri Perak (2021) **29.5%** berbanding kadar NRW Negara 31%

● Pencapaian penjimatan kehilangan NRW (36.8% - 99.6%)

● Dividen dibayar setiap tahun kepada LAP mengikut kadar yang ditetapkan

PENEMUAN UTAMA



Objektif Penubuhan

● Objektif penubuhan syarikat telah tercapai kerana menyumbang ke arah penurunan kadar NRW Negeri Perak



Pengurusan Aktiviti

● Tuntutan sebenar Kontrak 2 melebihi **22.5%** daripada kos kontrak



Tadbir Urus Korporat

● **8 daripada 9** aspek tidak diamalkan sepenuhnya



Kedudukan Kewangan

● Mencatatkan keuntungan sebelum cukai bagi **3** tahun berturut-turut

- 2019 – RM 410,298
- 2020 – RM 1.14 juta
- 2021 – RM 2.72 juta

LEMBAGA AIR PERAK MILLENIA AQUA SERVICES SDN. BHD.

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Millenia Aqua Services Sdn. Bhd. (MASSB) ditubuhkan pada 20 Mei 2002 di bawah Akta Syarikat 1965 merupakan sebuah syarikat berhad menurut syer milik Lembaga Air Perak (LAP) dengan modal saham berbayar berjumlah RM2 juta.
- Objektif penubuhan MASSB adalah untuk menjalankan perniagaan yang berkaitan dengan industri air termasuk perkhidmatan kejuruteraan, perundingan, operasi dan pengurusan loji rawatan air; pengurusan air tidak berhasil (NRW) serta pengurusan projek pembinaan, bekalan dan sokongan logistik.
- Pengauditan ini melibatkan penilaian terhadap aktiviti utama MASSB iaitu mengawal dan mengurangkan kadar kehilangan air fizikal dalam sebahagian rangkaian agihan air kendalian LAP bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.
- Dua bidang utama Audit yang dinilai ialah prestasi dan pengurusan aktiviti utama syarikat. Penilaian prestasi aktiviti meliputi pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Empat perkara dinilai dalam pencapaian output ialah pencapaian pembinaan dan pemantauan *District Metered Area* (DMA); pengesanan kebocoran air; pembaikan kebocoran air serta penyenggaraan pencegahan. Pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan pencapaian penjimatan kehilangan NRW mengikut kontrak dan kadar NRW negara serta pembayaran dividen kepada LAP. Bagi menilai pengurusan aktiviti, aspek yang diaudit merupakan pengurusan tuntutan bayaran kontrak, pengurusan aset dan pengurusan stok.
- Selain itu, pengauditan melibatkan sembilan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Setiausaha Syarikat; Ketua Pegawai Eksekutif (KPE); Prosedur Operasi Standard (SOP); Pelan Strategik; Jawatankuasa Audit (JKA); Audit Dalam serta Jawatankuasa Imbuhan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit bagi tahun 2019, 2020 dan 2021.

Apa yang ditemui Audit?

- Untuk menilai tahap pencapaian objektif penubuhan MASSB iaitu menjalankan perniagaan berkaitan dengan industri air melalui pelaksanaan aktiviti yang cekap dan berkesan; tadbir urus korporat yang baik dan kedudukan kewangan yang kukuh.
- MASSB menerima modal berbayar sejumlah RM2 juta daripada LAP. Setakat 30 April 2022, MASSB telah menandatangani tiga kontrak mengawal dan mengurangkan kadar NRW berjumlah RM98.19 juta.
- Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, MASSB telah berjaya mencapai objektif penubuhan syarikat kerana menyumbang ke arah penurunan kadar NRW Negeri Perak. Bagaimanapun, aktiviti mengawal dan mengurangkan kadar NRW yang ditetapkan dalam kontrak masih belum tercapai sepenuhnya. Perkara yang perlu diberi perhatian ialah seperti berikut:
 - aktiviti pembinaan dan pemantauan DMA bagi Kontrak 1 hanya mencapai 65.7% daripada sasaran yang ditetapkan;
 - prestasi kontraktor kurang cekap dalam melaksanakan pembaikan berbanding pengesanan kebocoran air oleh MASSB antara 77% hingga 94.2% kecuali Wilayah Selatan yang mencapai melebihi 100%;
 - penyenggaraan pencegahan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan antara 45% (Kontrak 3) hingga 86.6% (Kontrak 2);
 - peratus penjimatan kehilangan NRW mengikut kontrak antara 36.8% (Kontrak 1) hingga 99.6% (Kontrak 2) belum mencapai sasaran yang ditetapkan;
 - tuntutan bayaran Kontrak 2 melebihi 22.5% daripada kos kontrak; dan
 - amalan tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan. Piagam Lembaga Pengarah, Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat serta terma rujukan bagi Jawatankuasa Imbuhan tidak disediakan; surat pelantikan dan kontrak Setiausaha Syarikat tidak disediakan serta Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam tidak diwujudkan.
- Kedudukan kewangan MASSB adalah kukuh kerana berlaku peningkatan keuntungan bersih setiap tahun.

Apa yang disyorkan Audit?

- Bagi meningkatkan pencapaian objektif penubuhan MASSB dan memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan serta Lembaga Pengarah MASSB perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan untuk menambah baik perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan MASSB supaya mempertimbangkan perkara seperti berikut:
 - mengkaji dan menilai semula sasaran yang ditetapkan bagi meningkatkan kecekapan mengawal dan mengurangkan kadar NRW;
 - memastikan tuntutan bayaran tidak melebihi kos kontrak yang ditetapkan; dan
 - mempertingkatkan amalan tadbir urus korporat dengan menyediakan Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat, Piagam Lembaga Pengarah yang lengkap serta memastikan JKA dan Audit Dalam diwujudkan.

LEMBAGA AIR PERAK

3. MILLENIA AQUA SERVICES SDN. BHD.

FAKTA UTAMA


Objektif Penubuhan	Menjalankan semua atau mana-mana perniagaan yang berkaitan dengan industri air, termasuk perkhidmatan kejuruteraan, perundingan, operasi dan pengurusan loji rawatan air, pengurusan air tidak berhasil (NRW), pengurusan projek, pembinaan, bekalan dan sokongan logistik.	20 Mei 2002 Tarikh penubuhan
Aktiviti Utama	Melaksanakan aktiviti mengawal dan mengurangkan kadar kehilangan air fizikal dalam sebahagian rangkaian agihan air kendalian LAP berdasarkan empat strategi iaitu pengurusan tekanan, pengesanan kebocoran air secara aktif, pembaikan kebocoran air serta pengurusan dan penggantian aset.	RM2 Juta Modal berbayar
Keuntungan Sebelum Cukai	2019 RM410,298 2020 RM1.14 Juta 2021 RM2.72 Juta	RM98.19 Juta Kos kontrak dengan LAP
		100% Dimiliki oleh Lembaga Air Perak

1. LATAR BELAKANG

1.1. Millenia Aqua Services Sdn. Bhd. (MASSB) ditubuhkan pada 20 Mei 2002 di bawah Akta Syarikat 1965 merupakan sebuah syarikat berhad menurut syer milik Lembaga Air Perak (LAP) dengan modal berbayar berjumlah RM2 juta. Penubuhan MASSB adalah berdasarkan perenggan 5A, Enakmen Lembaga Air Perak Bilangan 12 Tahun 1988 dan diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak Bilangan 1401 pada 27 Februari 2002.

1.2. Objektif penubuhan MASSB adalah untuk menjalankan perniagaan yang berkaitan dengan industri air, termasuk perkhidmatan kejuruteraan, perundingan, operasi dan pengurusan loji rawatan air; pengurusan air tidak berhasil (NRW) serta pengurusan projek pembinaan, bekalan dan sokongan logistik. Model perniagaan MASSB adalah seperti dalam **Carta 1**.

**CARTA 1
MODEL PERNIAGAAN MASSB**



Sumber: Jabatan Audit Negara

1.3. Aktiviti utama MASSB ialah mengawal dan mengurangkan kadar kehilangan air fizikal dalam sebahagian rangkaian agihan air kendalian LAP. Bagi menangani kehilangan air fizikal, empat strategi ditetapkan iaitu pengurusan tekanan, pengesanan kebocoran air secara aktif, pembaikan kebocoran air serta pengurusan dan penggantian aset. Seterusnya daripada strategi tersebut, lapan sub aktiviti telah dilaksanakan oleh MASSB seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1
STRATEGI DAN PELAKSANAAN SUB AKTIVITI MASSB**

BIL.	STRATEGI	SUB AKTIVITI
1.	Pengurusan tekanan	<ul style="list-style-type: none"> Pembinaan dan pemantauan DMA
2.	Pengesanan kebocoran air	<ul style="list-style-type: none"> Pengesanan kebocoran melalui rondaan Pemantauan sistem agihan Analisis kadar aliran air konvensional/<i>advance</i>
3.	Pembaikan kebocoran air	<ul style="list-style-type: none"> Pembaikan kebocoran air oleh sub kontraktor
4.	Pengurusan dan penggantian aset	<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan aset NRW Pengurusan stok alat ganti Penyenggaraan pencegahan

Sumber: Dokumen Kontrak MASSB

1.4. MASSB telah menandatangani tiga kontrak dengan LAP bagi mengawal dan mengurangkan kadar NRW dengan kos RM98.19 juta melibatkan tempoh 15 Ogos 2017 hingga 30 April 2024. Kos kontrak adalah merangkumi kos pengurusan dan kos aktiviti. Kos pengurusan meliputi komponen perbelanjaan emolumen pasukan projek; kos perolehan dan selenggara kenderaan; kos pentadbiran; insurans dan penyediaan serta selenggaraan pejabat. Kos aktiviti pula meliputi enam komponen iaitu pembinaan dan pemantauan DMA; pengesanan kebocoran air; pembaikan kebocoran air; penyenggaraan pencegahan; sistem laman sesawang dan alat NRW serta kos pelbagai seperti permit pengorekan jalan. Butiran terperinci kos terlibat adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KOS PENGURUSAN DAN KOS AKTIVITI MENGIKUT KONTRAK
YANG DITANDATANGANI ANTARA MASSB DAN LAP

BIL.	PERINCIAN KOS	KONTRAK 1 (15.8.2017 – 14.8.2020)	KONTRAK 2* (15.8.2020 – 30.4.2021)	KONTRAK 3 (1.5.2021 – 30.4.2024)
		KOS (RM Juta)		
A.	Kos Pengurusan	16.17	4.00	23.44
B.	Kos Aktiviti			
1.	Pembinaan dan pemantauan DMA	2.68	0.00	3.55
2.	Pengesanan kebocoran air	3.14	0.69	2.79
3.	Pembaikan kebocoran air	15.37	3.45	15.13
4.	Penyenggaraan pencegahan	1.97	0.42	3.84
5.	Sistem laman sesawang / Alat NRW	0.36	0.07	0.62
6.	Pelbagai	0.21	0.05	0.24
	Jumlah Kos Aktiviti	23.73	4.68	26.17
	KOS KONTRAK	39.90	8.68	49.61
	JUMLAH KOS KONTRAK			98.19

Sumber: Dokumen Kontrak MASSB

Nota: (*) - Pelanjutan kontrak

1.5. Sehingga 31 Disember 2021, Lembaga Pengarah MASSB dianggotai oleh seorang Pengerusi dan empat ahli. Pengurusan MASSB diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan terbahagi kepada tiga unit utama iaitu Projek NRW, Pentadbiran dan Sumber Manusia serta Kewangan. Di bawah Unit Projek NRW terdapat lima Cawangan Wilayah iaitu Tengah I, Tengah II, Barat, Selatan dan Utara serta satu Unit Khas. Sehingga 31 Disember 2021, MASSB mempunyai seramai 115 kakitangan pelbagai jawatan. Struktur Organisasi MASSB adalah seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
CARTA ORGANISASI MASSB SEHINGGA 31 DISEMBER 2021



Sumber: Carta Organisasi MASSB

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan MASSB melalui aktiviti mengawal serta mengurangkan kadar kehilangan air fizikal dengan cekap dan berkesan; tadbir urus korporat yang baik; dan kedudukan kewangan yang kukuh.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan penilaian terhadap aktiviti utama MASSB iaitu mengawal dan mengurangkan kadar kehilangan air fizikal dalam sebahagian rangkaian agihan air kendalian LAP bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Dua bidang utama Audit yang dinilai ialah prestasi dan pengurusan aktiviti utama syarikat. Penilaian prestasi aktiviti meliputi pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Empat perkara dinilai dalam pencapaian output ialah pencapaian pembinaan dan pemantauan DMA; pengesanan kebocoran air; pembaikan kebocoran air serta penyenggaraan pencegahan. Pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan pencapaian penjimatan kehilangan NRW mengikut kontrak dan kadar NRW negara serta pembayaran dividen kepada LAP. Skop pencapaian kadar NRW negara adalah bagi tempoh 2015 hingga 2021. Bagi menilai pengurusan aktiviti, aspek yang diaudit merupakan pengurusan tuntutan bayaran kontrak, pengurusan aset dan pengurusan stok.

3.2. Selain itu, pengauditan melibatkan sembilan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Setiausaha Syarikat; Ketua Pegawai Eksekutif (KPE); Prosedur Operasi Standard (SOP); Pelan Strategik; Jawatankuasa Audit (JKA); Audit Dalam serta Jawatankuasa Imbuan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit bagi tahun 2019, 2020 dan 2021.

3.3. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat MASSB yang terletak di Medan Istana, Ipoh melibatkan tiga unit utama iaitu Projek NRW, Pentadbiran, Sumber Manusia dan Kewangan serta empat pejabat Cawangan Wilayah iaitu Tengah I, Barat, Selatan dan Utara.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan MASSB serta menganalisis data berkaitan. Pemeriksaan fizikal Audit terhadap aktiviti pembinaan dan pemantauan DMA, pengesanan kebocoran air dan stor alat ganti NRW juga telah dijalankan di empat lokasi iaitu Taiping, Teluk Intan, Kuala

Kangsar dan Perak Tengah. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat di Ibu Pejabat dan pejabat cawangan juga telah diadakan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Bagi menilai kedudukan kewangan, analisis dijalankan terhadap penyata kewangan MASSB bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 yang diaudit oleh Tetuan Wan Nadzir & Co. Penilaian ini melibatkan analisis pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; aset dan liabiliti; nisbah kewangan serta aliran tunai.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Januari hingga April 2022. Perkara yang ditemui dan maklum balas MASSB telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 2 Jun 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti perenggan berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti

MASSB menerima modal berbayar dan menjana hasil pendapatan melalui kontrak mengawal serta mengurangkan kadar kehilangan air fizikal yang ditandatangani dengan LAP.

5.1.1 Pencapaian Output

5.1.1.1 Pencapaian Pembinaan dan Pemantauan DMA

- a. Berdasarkan *Bill Of Quantity* (BQ) dalam dokumen kontrak yang ditandatangani antara MASSB dan LAP, sasaran pembinaan dan pemantauan DMA telah ditetapkan. Tujuan pembinaan DMA adalah untuk mengawal kebocoran air secara tetap dengan membahagikan rangkaian paip agihan kepada beberapa sektor yang lebih kecil supaya aliran yang masuk dan keluar dapat disukat. Butiran terperinci sasaran dan kos adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
SASARAN PEMBINAAN DAN PEMANTAUAN DMA MENGIKUT KONTRAK

BIL.	NO. KONTRAK	TEMPOH KONTRAK	BIL. SASARAN PEMBINAAN DAN PEMANTAUAN DMA	KOS KONTRAK (RM Juta)
1.	Kontrak 1	15.08.2017 – 14.08.2020	70	2.68
2.	Kontrak 2 (Pelanjutan kontrak)	15.8.2020 – 30.4.2021		
3.	Kontrak 3	01.05.2021-30.04.2024	96	3.55

Sumber: Dokumen Kontrak MASSB

- b. Semakan Audit mendapati pencapaian sebenar bilangan pembinaan dan pemantauan DMA untuk Kontrak 1 dan 2 adalah 46 (65.7%) daripada 70

yang disasarkan. Kontrak 2 merupakan kontrak pelanjutan bagi Kontrak 1 di mana sasaran DMA adalah mengikut Kontrak 1.

- c. Semakan Audit seterusnya mendapati untuk Kontrak 3, sebanyak 96 sasaran ditetapkan untuk tempoh tiga tahun. Bagi tempoh 1 Mei 2021 hingga 30 April 2022, 32 sasaran DMA ditetapkan dan hanya 11 (34.4%) telah dibuat. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
SASARAN DAN PENCAPAIAN PEMBINAAN DAN PEMANTAUAN DMA
BERBANDING SASARAN MENGIKUT KONTRAK

BIL.	NO. KONTRAK	BIL. PEMBINAAN DAN PEMANTAUAN DMA		PERATUS PENCAPAIAN (%) (c)=(b)/(a)x100
		SASARAN (a)	PENCAPAIAN (b)	
1.	Kontrak 1	70	43	65.7
2.	Kontrak 2		3	
3.	Kontrak 3	32	11	34.4

Sumber: Dokumen Kontrak MASSB dan Laporan Pencapaian Tahunan MASSB

- d. Pihak Audit **tidak dapat memastikan asas penetapan sasaran bagi Kontrak 3 walaupun pencapaian sebenar bagi Kontrak 1 dan 2 hanya 46 (65.7%) unit daripada sasaran.**
- e. Pihak Audit dimaklumkan oleh KPE bahawa faktor utama pencapaian pembinaan dan pemantauan DMA adalah bergantung kepada potensi kekerapan kebocoran air yang berlaku. DMA akan dibina jika lokasi tersebut sering mengalami kebocoran air. Selain itu, terdapat lokasi yang tidak sesuai dibina DMA selepas kajian lokasi dibuat. Ini menyebabkan bilangan DMA yang dibina tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Dimaklumkan juga kos DMA yang tidak dibina mengikut kontrak diganti dengan lebih aktiviti pengesanan kebocoran air yang dilaksanakan berbanding sasaran.

Maklum Balas MASSB yang Diterima pada 19 Mei dan 8 Julai 2022

Kuantiti yang dinyatakan adalah kuantiti yang diambil daripada BQ, di mana kuantiti tersebut adalah cadangan kuantiti yang diunjurkan untuk dilaksanakan dalam tempoh kontrak.

Pelaksanaan kuantiti sebenar adalah berdasarkan aktiviti semasa di mana keutamaan diberikan kepada DMA yang mempunyai kadar kebocoran tinggi yang mampu memberikan kesan secara cepat dalam menurunkan kadar NRW.

Senarai sasaran di dalam BQ asal berdasarkan kepada pelan pembangunan LAP di mana terdapat kawasan-kawasan pembangunan baru yang boleh diwujudkan sebagai DMA baru. Pada masa yang sama, pihak MASSB perlu membuat kajian terperinci tentang kesesuaian dan tahap efisien kawasan tersebut untuk dibentuk sebagai DMA baru.

Pengurangan kuantiti sebenar berbanding sasaran juga disebabkan faktor tumpuan kepada aktiviti fizikal dalam mencari dan mengesan kebocoran di dalam DMA sedia ada seperti yang dapat dilihat di dalam data/statistik aktiviti pengesanan dan pembaikan.

Kuantiti yang dinyatakan dalam BQ adalah merujuk kepada bilangan alat ganti yang perlu ditukar jika perlu.

Pendapat Audit | Tujuan pembinaan dan pemantauan DMA adalah untuk mengawal kebocoran air. Pembinaan dan pemantauan DMA bagi Kontrak 1 adalah kurang cekap kerana pelaksanaannya hanya mencapai 65.7%.

5.1.1.2 Pencapaian Pengesanan Kebocoran Air

- a. Berdasarkan BQ dalam dokumen kontrak yang ditandatangani antara MASSB dan LAP, sasaran pengesanan kebocoran air yang ditetapkan adalah 28,800 bagi Kontrak 1, 6,800 (Kontrak 2) dan 28,800 (Kontrak 3).
- b. Semakan Audit mendapati pencapaian sebenar bilangan pengesanan kebocoran air bagi ketiga-tiga kontrak adalah seperti berikut dan **Jadual 5**:
 - i. bagi Kontrak 1, bilangan pengesanan adalah sebanyak 29,334 (101.9%) berbanding sasaran;
 - ii. bagi Kontrak 2, pengesanan adalah sebanyak 8,816 (129.6%) berbanding sasaran; dan
 - iii. bagi Kontrak 3, sebanyak 28,800 sasaran ditetapkan untuk tempoh tiga tahun. Bagi tempoh 1 Mei 2021 hingga 30 April 2022, 9,600 sasaran ditetapkan dan 10,074 (104.9%) pengesanan telah dibuat.

JADUAL 5
SASARAN DAN PENCAPAIAN PENGESANAN KEBOCORAN AIR
MENGIKUT KONTRAK

BIL.	NO.KONTRAK	BIL. SASARAN (a)	BIL. PENCAPAIAN (b)	PERATUS PENCAPAIAN (%) (c)=(b)/(a)x100
1.	Kontrak 1	28,800	29,334	101.9
2.	Kontrak 2	6,800	8,816	129.6
3.	Kontrak 3	9,600	10,074	104.9

Sumber: Dokumen Kontrak MASSB dan Laporan Pencapaian Tahunan MASSB

- c. Berdasarkan dokumen KM-KDP-OK Objektif Kualiti dalam Manual Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015, MASSB telah menetapkan bilangan sasaran aktiviti pengesanan kebocoran air yang perlu dicapai ialah masing-masing 300 kes sebulan bagi Cawangan Wilayah Tengah I dan Barat manakala 200 kes sebulan bagi Cawangan Wilayah Selatan.
- d. Semakan Audit seterusnya terhadap Laporan Tahunan Pencapaian MASSB mendapati pencapaian pengesanan kebocoran air mengikut wilayah adalah seperti berikut dan **Jadual 6**:
- i. **peratus pencapaian pengesanan bagi tiga wilayah pada tahun 2019 dan 2020 adalah antara 63% hingga 147.6% berbanding sasaran.** Didapati hanya **Wilayah Selatan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan di mana pencapaian sebenar adalah 85.9% dan 63% sahaja;** dan
 - ii. **bagi tahun 2021 pula, ketiga-tiga wilayah mencapai sasaran pengesanan yang ditetapkan iaitu antara 105.1% hingga 195.1%.**

JADUAL 6
PENCAPAIAN PENGESANAN KEBOCORAN AIR MENGIKUT CAWANGAN
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	CAWANGAN	BIL. SASARAN	BIL. PENCAPAIAN SEBENAR	PERATUS PENCAPAIAN (%)
2019	Wilayah Tengah I	3,600	5,313	147.6
	Wilayah Barat	3,600	4,961	137.8
	Wilayah Selatan	2,400	2,062	85.9
2020	Wilayah Tengah I	3,600	5,020	139.4
	Wilayah Barat	3,600	4,782	132.8
	Wilayah Selatan	2,400	1,513	63
2021	Wilayah Tengah I	3,600	7,025	195.1
	Wilayah Barat	3,600	5,136	142.7
	Wilayah Selatan	2,400	2,523	105.1

Sumber: Laporan Pencapaian Tahunan MASSB

- f. Pencapaian ini disebabkan MASSB telah membuat penambahan pasukan kawalan kebocoran air secara aktif di bawah Unit Khas bagi menjalankan kerja-kerja menyiasat dan mengesan kebocoran air pada bulan Ogos 2018 hingga Mei 2019. Keadaan ini menyumbang kepada pencapaian kadar NRW di Negeri Perak pada tahun 2019 hingga 2021 yang semakin baik.

Maklum Balas MASSB yang Diterima pada 19 Mei 2022

MASSB telah mengambil pendekatan berbeza pada tahun 2020 dan 2021 dalam menambah baik pelaksanaan kerja di tapak yang memberi impak secara terus di mana peningkatan kuantiti pengesanan dapat dilihat di semua Wilayah.

Pendapat Audit | **Pencapaian pengesanan kebocoran air adalah cekap kerana melebihi sasaran yang ditetapkan kecuali Wilayah Selatan tidak mencapai sasaran pada tahun 2019 dan 2020.**

5.1.1.3 Pencapaian Pembaikan Kebocoran Air

- a. Berdasarkan dokumen P-KON-PDP Prosedur Pembaikan dan Pemasangan dalam Manual Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015, arahan kerja pembaikan kebocoran air akan diberikan kepada kontraktor selepas pengesanan kebocoran air didaftarkan dalam Borang Senarai Pembaikan.
- b. Analisis perbandingan bilangan pengesanan kebocoran air oleh MASSB berbanding pembaikan kebocoran yang ditawarkan kepada kontraktor mendapati **peratus pencapaian pembaikan bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah antara 77% hingga 137.1%**. Bagi Wilayah Selatan, pencapaian pembaikan yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah melebihi bilangan pengesanan yang dilaksanakan oleh MASSB bagi tahun 2019 hingga 2021. **Peratus lebihan pembaikan adalah antara 9.2% hingga 37.1%**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PENCAPAIAN PEMBAIKAN KEBOCORAN AIR BERBANDING PENGESANAN BAGI
TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	CAWANGAN	BIL. PENGESANAN	BIL. PEMBAIKAN	PERATUS PENCAPAIAN PEMBAIKAN BERBANDING PENGESANAN (%)
2019	Wilayah Tengah I	5,313	4,091	77
	Wilayah Barat	4,961	4,152	83.7
	Wilayah Selatan	2,062	2,403	116.5
2020	Wilayah Tengah I	5,020	4,244	84.5
	Wilayah Barat	4,782	4,504	94.2
	Wilayah Selatan	1,513	2,074	137.1
2021	Wilayah Tengah I	7,025	5,908	84.1
	Wilayah Barat	5,136	4,698	91.5
	Wilayah Selatan	2,523	2,756	109.2

Sumber: Laporan Pencapaian Kebocoran Air Tahunan MASSB

Maklum Balas MASSB yang Diterima pada 19 Mei 2022

Program pembaikan selepas aktiviti pengesanan setiap bulan perlu dibuat berdasarkan keutamaan kes yang diterima. Kes yang mampu memberikan impak tinggi dan secara terus ke atas penurunan NRW dan kebocoran yang nampak (visual) diberikan keutamaan.

Program bagi pembaikan untuk kes *sounding* atau kebocoran di dalam tanah (kebocoran yang dikesan melalui pendengaran/frekuensi di mana kebocoran tersebut perlu dibaiki dengan cara 'cuba' pengorekan) mengambil masa sedikit lama. Pembaikan perlu dirancang dengan bagi mengelakkan gangguan ke atas pengguna dan pihak berkuasa.

Halangan bagi setiap kes pembaikan perlu dianalisis mengikut kedudukan paip yang berada dalam rizab Pihak Berkuasa Tempatan dan premis, kedudukan paip yang tiada di dalam pemetaan serta gangguan utiliti lain seperti kabel Tenaga Nasional Berhad dan Telekom.

Pendapat Audit | **Prestasi kontraktor pada tahun 2019 hingga 2021 kecuali Wilayah Selatan adalah kurang cekap dalam melaksanakan pembaikan berbanding pengesanan kebocoran air yang dilaksanakan oleh MASSB.**

5.1.1.4 Pencapaian Penyenggaraan Pencegahan

- a. Berdasarkan BQ dalam dokumen kontrak, MASSB menetapkan aktiviti penyenggaraan pencegahan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan kerosakan peralatan diketahui awal. Penyenggaraan pencegahan merangkumi penyenggaraan paip dan injap, penyenggaraan *Pressure Reducing Valve* (PRV) dan injap *altitude* serta penyenggaraan *flowmeter* dan peralatan yang melibatkan sejumlah RM6.23 juta kos kontrak. Pencapaian yang dinilai hanya melibatkan penyenggaraan PRV dan injap *altitude* kerana tiada sasaran ditetapkan dalam kontrak bagi penyenggaraan lain. Butiran adalah seperti **Jadual 8**.

JADUAL 8
BILANGAN KUANTITI PENYENGGARAAN PRV DAN INJAP
ALTITUDE MENGIKUT KONTRAK

NO.KONTRAK	BIL. KUANTITI	KOS KONTRAK (RM)	KOS PENYENGGARAAN PRV DAN INJAP ALTITUDE (RM)
Kontrak 1	258	1,967,900	566,400
Kontrak 2	82	424,950	175,970
Kontrak 3	334	3,843,650	748,050
JUMLAH		6,236,500	1,490,420

Sumber: Dokumen Kontrak MASSB

- b. Semakan Audit mendapati bagi Kontrak 1 dan 2, **peratus pencapaian penyenggaraan PRV dan injap altitude ialah 115.1% dan 86.6% daripada sasaran.**
- c. Semakan Audit seterusnya mendapati bagi Kontrak 3, sebanyak 334 sasaran ditetapkan untuk tempoh tiga tahun. **Bagi tempoh 1 Mei 2021 hingga 30 April 2022, 111 sasaran ditetapkan dan hanya 50 (45%) penyenggaraan telah dibuat.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PENCAPAIAN PENYENGGARAAN PRV
DAN INJAP ALTITUDE MENGIKUT KONTRAK

NO.KONTRAK	BIL. KUANTITI		PERATUS PENCAPAIAN (%) (e)=(c)/(a)x100
	SASARAN (a)	PENCAPAIAN (c)	
Kontrak 1	258	297	115.1
Kontrak 2	82	71	86.6
Kontrak 3	111	50	45

Sumber: Dokumen Kontrak MASSB dan Laporan Pencapaian Tahunan MASSB

Maklum Balas MASSB yang Diterima pada 19 Mei 2022

Proses penyenggaraan ke atas PRV dan *Altitude Valve* dilaksanakan berdasarkan keperluan melalui pemantauan data-data aliran dan tekanan secara harian oleh MASSB. Tiada bilangan khusus atau jadual berkala atau bilangan yang tetap yang perlu dilaksanakan oleh MASSB setiap bulan.

Pendapat Audit | **Penyenggaraan PRV dan injap *altitude* bagi Kontrak 2 dan 3 adalah kurang cekap kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.**

5.1.2 Pencapaian Keberhasilan Syarikat

Pencapaian keberhasilan syarikat dinilai berdasarkan pencapaian penjimatan kehilangan NRW berbanding sasaran yang ditetapkan dalam kontrak dan pembayaran dividen bagi saham dimiliki oleh LAP. NRW didefinisikan sebagai jumlah kuantiti air yang disalurkan ke dalam sistem bekalan air tetapi tidak memberi pulangan hasil. Secara teknikal, NRW ialah jumlah pengeluaran air bersih (terawat) yang dibekalkan dan ditolak dengan jumlah penggunaan yang dibilkan menggunakan meter dan penggunaan yang dibilkan tanpa meter.

5.1.2.1 Pencapaian Penjimatan Kehilangan NRW

- a. Berdasarkan dokumen perjanjian, MASSB menyasarkan penjimatan kehilangan NRW sebanyak 15,729,900 m³ bagi Kontrak 1, 2,042,613 m³ (Kontrak 2) dan 12,154,500 m³ (Kontrak 3).
- b. Semakan Audit terhadap pencapaian penjimatan kehilangan NRW bagi Kontrak 1 hingga 3 adalah seperti berikut dan **Jadual 10**:
 - i. **bagi Kontrak 1, pencapaian penjimatan adalah 5,792,206 m³ (36.8%) daripada sasaran ditetapkan iaitu 15,729,900 m³;**
 - ii. **bagi Kontrak 2, pencapaian penjimatan adalah 2,034,442 m³ (99.6%) daripada sasaran ditetapkan iaitu 2,042,613 m³; dan**

- iii. bagi Kontrak 3 pula, sebanyak 12,154,500 m³ penjimatan NRW ditetapkan untuk tempoh tiga tahun. Bagi tempoh 1 Mei 2021 hingga 30 April 2022, 4,051,500 m³ penjimatan NRW ditetapkan dan 4,922,795 m³ (121.5%) penjimatan NRW telah dicapai.

JADUAL 10
SASARAN DAN PENCAPAIAN PENJIMATAN KEHILANGAN NRW
BERBANDING KONTRAK

BIL.	NO. KONTRAK	PENJIMATAN NRW (m ³)		PERATUS PENCAPAIAN (%)
		SASARAN	PENCAPAIAN	
1.	Kontrak 1	15,729,900	5,792,206	36.8
2.	Kontrak 2	2,042,613	2,034,442	99.6
3.	Kontrak 3	4,051,500	4,922,795	121.5

Sumber: Dokumen Kontrak MASSB dan Laporan Pencapaian Tahunan MASSB

- c. MASSB memaklumkan antara sebab MASSB gagal mencapai sasaran yang ditetapkan ialah pertumbuhan dan pembangunan projek perumahan yang sangat pesat di kawasan Kinta. Keadaan ini menyebabkan kawasan perumahan baharu tersebut berada di luar DMA sedia ada dan memerlukan pelan kontingensi bagi mengawal kadar kebocoran.
- d. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) hingga Kesebelas (RMKe-11) kerajaan telah menyasarkan untuk menurunkan kadar NRW sehingga 25%. Bagaimanapun, pada tahun 2019, kadar NRW negara telah diselaraskan kepada 31% di bawah RMKe-11.
- e. Semakan Audit terhadap kadar NRW Negeri Perak berbanding kadar NRW negara mendapati pencapaian **bagi tahun 2015 hingga 2021 adalah antara 29.5% hingga 30.9%**. Semakan Audit seterusnya mendapati kadar NRW Negeri Perak pada tahun 2015 hingga 2018 tidak mencapai kadar NRW negara iaitu 25%. Bagaimanapun, bagi tahun 2019 hingga 2021 pihak Audit mendapati **kadar NRW Negeri Perak telah mencapai kadar NRW negara yang ditetapkan iaitu antara 29.5% hingga 30.1%**. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PENCAPAIAN KADAR NRW DI NEGERI PERAK BAGI TEMPOH
TAHUN 2015 HINGGA 2021

BIL.	RMK	TAHUN	PENCAPAIAN NRW		KADAR NRW NEGARA (%)
			METERPADU (m ³)	PERATUS (%)	
1.	11	2015	139,153,121	30.3	25
2.		2016	147,297,368	30.5	
3.		2017	149,142,567	30.9	
4.		2018	146,366,125	30.0	

BIL.	RMK	TAHUN	PENCAPAIAN NRW		KADAR NRW NEGERA (%)
			METERPADU (m ³)	PERATUS (%)	
5.		2019	146,202,067	29.5	31
6.		2020	151,972,658	30.1	
7.	12	2021	149,155,673	29.5	

Sumber: Data NRW Negeri Perak

- f. Analisis Audit turut dibuat bagi menentukan anggaran kehilangan hasil kesan daripada NRW yang berlaku berdasarkan kadar tarif air domestik yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri iaitu RM0.30 bagi setiap 20m³. Pihak Audit mendapati **anggaran kehilangan hasil kesan daripada NRW yang berlaku pada tahun 2015 hingga 2021 adalah antara RM2.09 juta hingga RM2.28 juta** seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
ANGGARAN KEHILANGAN HASIL KESAN NRW PADA TAHUN 2015 HINGGA 2021

TAHUN	KADAR NRW NEGERI PERAK (m ³)	KADAR TARIF AIR (RM/20m ³)	ANGGARAN KEHILANGAN HASIL (RM Juta)
2015	139,153,121	0.30	2.09
2016	147,297,368		2.21
2017	149,142,567		2.24
2018	146,366,125		2.20
2019	146,202,067		2.20
2020	151,972,658		2.28
2021	149,155,673		2.24

Sumber: Data NRW Negeri Perak

Maklum Balas MASSB yang Diterima pada 19 Mei dan 8 Julai 2022

Pandemik Covid-19 menyebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan bermula 18 Mac 2020, menyekat aktiviti fizikal MASSB kecuali untuk perkara kecemasan yang mengganggu sistem bekalan air dalam DMA.

Pergerakan fizikal MASSB seperti pengesanan dan pembaikan dihadkan. Laporan Bulanan Sistem Kebocoran membuktikan pengurangan aktiviti fizikal menyebabkan aktiviti kawalan kebocoran dalam sistem bekalan air terganggu.

Bagi Kontrak 2, MASSB hampir mencapai 100% penjimatan NRW berbanding sasaran.

Pendapat Audit | **Aktiviti penjimatan kehilangan NRW yang dilaksanakan oleh MASSB kurang cekap kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan dalam kontrak bagi Kontrak 1 dan Kontrak 2.**

5.1.2.2 Pembayaran Dividen bagi Saham Dimiliki oleh LAP

- a. Mesyuarat Agung Tahunan Lembaga Pengarah MASSB akan meluluskan pembayaran dividen kepada pemegang saham berdasarkan keuntungan yang diperoleh pada setiap tahun kewangan. Pembayaran dividen akan dibuat selepas berakhir sesuatu tahun kewangan.
- b. Berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit MASSB bagi tahun 2019 hingga 2021, agihan dividen kepada LAP ditetapkan pada kadar 10% daripada keuntungan bersih.
- c. Semakan Audit mendapati MASSB telah mencatatkan keuntungan bersih bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 masing-masing sejumlah RM369,987, RM659,888 dan RM1.97 juta. Berdasarkan minit Mesyuarat Agung Tahunan Lembaga Pengarah MASSB, pihak Audit mendapati agihan dividen yang diluluskan adalah pada kadar 10% daripada keuntungan bersih.
- d. Semakan Audit seterusnya mendapati **pada tahun 2019 hingga 2021, MASSB telah membayar dividen sejumlah RM138,726.** Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 13.**

JADUAL 13
AGIHAN DIVIDEN KEPADA LAP BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN KEWANGAN	KEUNTUNGAN BERSIH (RM)	AGIHAN DIVIDEN DILULUSKAN (RM)	DIVIDEN DIBAYAR PADA TAHUN BERIKUTNYA (RM)
2019	369,987.00	36,999	35,738
2020	659,888.00	65,989	36,999
2021	1,965,415.00	196,542	65,989
JUMLAH		299,530	138,726

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit MASSB Bagi Tahun 2019 Hingga 2021

Pendapat Audit | **MASSB berjaya membayar dividen kepada LAP setiap tahun dari tahun 2019 hingga 2021.**

5.2. Pengurusan Aktiviti

5.2.1. Pengurusan Tuntutan Bayaran Kontrak

- a. Berdasarkan BQ dalam dokumen kontrak yang ditandatangani antara MASSB dan LAP, kos kontrak adalah merangkumi kos pengurusan dan kos aktiviti. Kos pengurusan meliputi komponen perbelanjaan emolumen pasukan projek; kos perolehan dan selenggara kenderaan; kos pentadbiran; insurans dan penyediaan serta selenggaraan pejabat. Kos aktiviti pula meliputi enam komponen iaitu pembinaan dan pemantauan DMA; pengesanan kebocoran air; pembaikan kebocoran air; penyenggaraan pencegahan; sistem laman sesawang dan alat NRW serta kos pelbagai.
- b. Semakan Audit mendapati tuntutan bagi Kontrak 1 adalah sejumlah RM38.75 juta (97.1%) daripada kos kontrak RM39.9 juta. Bagaimanapun, **tuntutan bagi Kontrak 2 sejumlah RM10.63 juta adalah melebihi 22.5% berbanding kos kontrak RM8.68 juta.** Bagi kontrak 3, sejumlah RM49.61 juta kos kontrak ditetapkan untuk tempoh tiga tahun. Bagi tempoh 1 Mei 2021 hingga 30 April 2022, sejumlah RM16.53 juta kos kontrak ditetapkan dan sejumlah RM12.36 juta (74.8%) tuntutan telah dibuat.
- c. Analisis Audit terhadap tuntutan bayaran mengikut aktiviti setiap kontrak mendapati **peratus tuntutan bagi tiga aktiviti dalam Kontrak 1 iaitu penyenggaraan pencegahan, sistem dan alat NRW serta kos pelbagai adalah melebihi kos kontrak antara 2.8% hingga 28.6%.** Pihak Audit juga mendapati **peratus tuntutan bagi lima daripada enam aktiviti dalam Kontrak 2 melebihi kos kontrak antara 7.1% hingga 28.6%. Bagi Kontrak 3 pula, hanya tuntutan aktiviti pembaikan kebocoran air telah melebihi 10.5% daripada kos kontrak.**
- d. Analisis Audit seterusnya terhadap tuntutan bayaran mengikut perincian kos bagi Kontrak 1 hingga 3 mendapati peratus tuntutan kos pengurusan adalah antara 41.7% hingga 43.1% dan kos aktiviti adalah antara 56.9% hingga 58.3% berbanding jumlah tuntutan. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 14.**

JADUAL 14
TUNTUTAN BAYARAN MENGIKUT KONTRAK

PERINCIAN KOS	KOS KONTRAK (RM Juta)	TUNTUTAN BAYARAN (RM Juta)	PERATUS (%)		TUNTUTAN SUB KOS BERBANDING JUMLAH TUNTUTAN KESELURUHAN
			TUNTUTAN SEBENAR BERBANDING KOS KONTRAK	LEBIHAN TUNTUTAN	
KONTRAK 1					
Kos Pengurusan	16.17	16.17	100	-	41.7
Kos Aktiviti					58.3
• Pembinaan dan pemantauan DMA	2.68	2.62	97.8	-	
• Pengesanan kebocoran air	3.14	2.82	89.8	-	
• Pembaikan kebocoran air	15.37	14.37	93.5	-	
• Penyenggaraan pencegahan	1.97	2.13	108.1	8.1	
• Sistem dan Alat NRW	0.36	0.37	102.8	2.8	
• Pelbagai	0.21	0.27	128.6	28.6	
Jumlah Kos Aktiviti	23.73	22.58	95.2	-	
JUMLAH KESELURUHAN	39.90	38.75	97.1	-	
KONTRAK 2					
Kos Pengurusan	4.00	4.58	114.5	14.5	43.1
Kos Aktiviti					56.9
• Pembinaan dan pemantauan DMA	0.00	0.33	-	-	
• Pengesanan kebocoran air	0.69	0.83	120.3	20.3	
• Pembaikan kebocoran air	3.45	4.31	124.9	24.9	
• Penyenggaraan pencegahan	0.42	0.45	107.1	7.1	
• Sistem dan Alat NRW	0.07	0.09	128.6	28.6	
• Pelbagai	0.05	0.04	80	-	
Jumlah Kos Aktiviti	4.68	6.05	129.3	29.3	
JUMLAH KESELURUHAN	8.68	10.63	122.5	22.5	
KONTRAK 3 (01.05.2021-30.04.2022)					
Kos Pengurusan	7.81	5.19	66.5	-	42
Kos Aktiviti					58
• Pembinaan dan pemantauan DMA	1.18	0.22	18.6	-	
• Pengesanan kebocoran air	0.93	0.84	90.3	-	
• Pembaikan kebocoran air	5.04	5.57	110.5	10.5	
• Penyenggaraan pencegahan	1.28	0.41	32	-	
• Sistem dan Alat NRW	0.21	0.09	42.9	-	
• Pelbagai	0.08	0.04	50	-	
Jumlah Kos Aktiviti	8.72	7.17	82.2	-	
JUMLAH KESELURUHAN	16.53	12.36	74.8	-	

Sumber: Dokumen Kontrak MASSB dan Laporan Pencapaian Tahunan MASSB

Maklum Balas MASSB yang Diterima pada 19 Mei dan 8 Julai 2022

Lebih tuntutan bayaran bagi Kontrak 2 adalah disebabkan oleh tambahan kepada kerja-kerja fizikal yang melibatkan kerja pengesanan dan pembaikan yang telah dilaksanakan oleh pihak MASSB bagi mencapai sasaran. Pertambahan kuantiti seperti pembaikan ke atas paip komunikasi dan utama menyumbang kepada lebih amaun asal kontrak.

Lebih tuntutan bayaran bagi melaksanakan Kontrak 2 adalah berdasarkan kuantiti kerja fizikal yang perlu dilaksanakan di dalam tempoh kontrak. Kuantiti yang dinyatakan di dalam kuantiti asal adalah kurang daripada kuantiti sebenar. Kuantiti yang dilaksanakan adalah perlu di dalam menyumbang kepada penurunan kadar kebocoran di dalam sistem agihan.

Pendapat Audit | **MASSB kurang cekap dalam mengawal perbelanjaan bagi melaksanakan Kontrak 2 sehingga tuntutan bayaran melebihi kos kontrak sebanyak 22.5%.**

5.2.2. Pengurusan Aset

- a. Perenggan 3, Tatacara Pengurusan Harta Tetap dalam Polisi Peraturan Kewangan Dan Perakaunan MASSB menetapkan Eksekutif Akaun akan memasukkan harta tetap dalam helaian kerja senarai harta tetap mengikut kategori masing-masing, nombor daftar, lokasi, penerimaan dan mengemas kini nilai semasa setelah ditolak susut nilai pada setiap bulan.
- b. Klausula 20 dalam dokumen kontrak yang ditandatangani antara MASSB dan LAP menetapkan aset alih yang dibeli untuk pelaksanaan kontrak hendaklah menjadi aset LAP tetapi MASSB bertanggungjawab terhadap kerosakan atau kehilangan aset tersebut.
- c. Berdasarkan Senarai Harta Tetap sehingga bulan Disember 2021, pihak Audit mendapati MASSB mempunyai sejumlah 362 unit harta tetap bernilai RM1.38 juta. Pemeriksaan fizikal Audit pada 15 dan 16 Februari 2022 di lima cawangan MASSB mendapati sepuluh unit aset peralatan NRW bernilai RM126,765 yang dibeli pada tahun 2021 tidak direkodkan dalam mana-mana daftar di Ibu Pejabat dan Cawangan MASSB.

- d. Ketua Pegawai Kewangan dan Sumber Manusia memaklumkan bahawa kos pembelian aset tersebut telah dimasukkan dalam tuntutan bayaran kontrak dan mengikut klausa kontrak, aset tersebut milik LAP. Maklumat lanjut senarai aset tersebut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
SENARAI ASET PERALATAN NRW YANG DIBELI PADA TAHUN 2021

BIL	NAMA ASET	LOKASI	TARIKH BELI	HARGA (RM)
1.	Multifunctional Rd7200 Cable and Pipe Locator	Wilayah Tengah 1	13.07.2021	9,928
2.	Micron 3 – Alpha + Gamma Ground Mic and Listening Stick		29.09.2021	15,425
3.	Multifunctional Rd7200 Cable and Pipe Locator	Wilayah Tengah 2	13.07.2021	9,928
4.	Micron 3 – Alpha + Gamma Ground Mic and Listening Stick		29.09.2021	15,425
5.	Multifunctional Rd7200 Cable and Pipe Locator	Wilayah Barat	13.07.2021	9,928
6.	Micron 3 – Alpha + Gamma Ground Mic and Listening Stick		29.09.2021	15,425
7.	Multifunctional Rd7200 Cable and Pipe Locator	Wilayah Utara	13.07.2021	9,928
8.	Micron 3 – Alpha + Gamma Ground Mic and Listening Stick		29.09.2021	15,425
9.	Multifunctional Rd7200 Cable and Pipe Locator	Wilayah Selatan	13.07.2021	9,928
10.	Micron 3 – Alpha + Gamma Ground Mic and Listening Stick		29.09.2021	15,425
JUMLAH				126,765

Sumber: Senarai Harta Tetap dan Baucar Pembelian MASSB

- e. Semakan Audit selanjutnya mendapati aset tersebut diserahkan ke cawangan MASSB di Wilayah Tengah 1 dan 2, Wilayah Barat, Wilayah Utara serta Wilayah Selatan tanpa dokumen perakuan serahan dan penerimaan. Perkara ini berlaku kerana pegawai yang menguruskan agihan aset kurang pengetahuan tentang merekodkan serahan dan penerimaan aset ke cawangan lain. Keadaan ini akan menyebabkan MASSB sukar melaksanakan pemeriksaan aset tahunan dan membuka ruang berlaku penyalahgunaan aset oleh kakitangan untuk kepentingan peribadi.

Maklum Balas MASSB yang Diterima pada 19 Mei 2022

Peralatan NRW ini dikategorikan sebagai aset LAP disebabkan tuntutan telah dibuat berdasarkan nilai BQ seperti dalam kontrak.

Aset tetap ini boleh didaftarkan sebagai Aset Tetap LAP dan digunakan oleh MASSB bagi Projek NRW. Aset ini tidak direkodkan dalam penyata kewangan MASSB namun susut nilai dan nilai semasa akan dibuat secara atas kertas.

**Pendapat
Audit**

Perekodan aset NRW yang tidak teratur boleh menyebabkan MASSB perlu bertanggungjawab jika berlaku kerosakan atau kehilangan aset mengikut klausa kontrak.

5.2.3. Pengurusan Stok

- a. Seksyen 13.19 MPERS menetapkan pada akhir setiap tahun entiti perlu menilai inventori terjejas disebabkan usang atau rosak. Inventori yang terjejas perlu diukur pada harga jualan ditolak kos jualan bagi menentukan kerugian rosot nilai inventori tersebut.
- b. Tatacara Pengurusan Stok yang disediakan oleh MASSB menggariskan panduan berkaitan pembelian, pemeriksaan, perekodan dan pengeluaran stok.
- c. Semakan Audit mendapati Tatacara Pengurusan Stok **tidak menggariskan panduan berkaitan pelupusan stok**. Semakan Audit seterusnya mendapati **20 item stok bernilai RM44,054 telah lama tidak digunakan antara lima hingga 13 tahun**. Pihak Audit dimaklumkan oleh KPE bahawa stok tersebut tidak digunakan kerana tidak sesuai dengan teknologi pada masa sekarang. Maklumat lanjut stok yang telah lama tidak digunakan di MASSB adalah seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16
STOK YANG TELAH LAMA TIDAK DIGUNAKAN DI MASSB**

BIL.	ITEM STOK	TAHUN BELI	TAHUN TERAKHIR DIGUNAKAN	TEMPOH TIDAK DIGUNAKAN (Tahun)	BAKI SEHINGGA DISEMBER 2021	HARGA SEUNIT (RM)	NILAI STOK (RM)
WILAYAH TENGAH 1							
1.	Turbine Water Meter Woltex (IMACM100)	2007	2008	13	1	1,430	1,430.00
2.	Turbine Water Meter Woltex (IMACM50)	2007	2008	13	4	1,100	4,400.00
3.	Turbine Water Meter Woltex (IMACM80)	2007	2008	13	2	1,250	2,500.00
4.	Measuring Element Woltex (IMACME100)	2007	2008	13	2	990	1,980.00
5.	Measuring Element Woltex (IMACME150)	2007	2008	13	2	1,340	2,680.00
6.	Measuring Element Woltex (IMACME200)	2007	2008	13	1	1,420	1,420.00
7.	Measuring Element Woltex (IMACME50)	2007	2008	13	3	860	2,580.00
8.	Measuring Element Woltex (IMACME80)	2007	2008	13	3	930	2,790.00
9.	Measuring Element Helix (MRMEH100)	2007	2008	13	4	750	3,000.00
10.	Measuring Element Woltex (IMACME150)	2007	2008	13	4	1,150	4,600.00
JUMLAH							27,380.00

BIL.	ITEM STOK	TAHUN BELI	TAHUN TERAKHIR DIGUNAKAN	TEMPOH TIDAK DIGUNAKAN (Tahun)	BAKI SEHINGGA DISEMBER 2021	HARGA SEUNIT (RM)	NILAI STOK (RM)
WILAYAH SELATAN							
1.	32mmX25mm Reducer	2007	2011	10	19	12.00	228.00
2.	110mm X 32mm Tapping Tee Underpart	2007	2014	7	19	79.00	1,501.00
3.	160mm Electrofusion Coupler	2007	2014	7	8	73.00	584.00
4.	225mm Electrofusion Coupler	2012	2013	8	8	162.00	1,296.00
5.	280mm Electrofusion Coupler	2012	2013	8	7	350.40	2,452.80
6.	20mm Straight Coupler	2008	2015	6	53	1.80	95.40
7.	160mm X 25mm Tapping Tee Underpart	2007	2015	6	18	79.00	1,422.00
JUMLAH							7,579.20
WILAYAH BARAT							
1.	Turbine Water Meter 4000 (200mm) - Helix	2011	2012	9	1	3,000.00	3,000.00
2.	Supa Coup DN150 (Tiger Fit)	2014	2015	6	15	283.00	4,245.00
3.	300mm (12") DI Gate Valve	2009	2016	5	1	1,850.00	1,850.00
JUMLAH							9,095.00
JUMLAH KESELURUHAN							44,054.20

Sumber: Laporan Nilai dan Status Stok MASSB

Maklum Balas MASSB yang Diterima pada 19 Mei 2022

MASSB tidak dimaklumkan atau diberi cadangan berkenaan Seksyen 13.19 oleh Firma Audit Swasta (FAS). MASSB akan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Seksyen 13.19 MPERS bagi melupuskan aset yang tidak digunakan untuk Tahun Kewangan 2022. Ketua Pegawai Kewangan akan merujuk kepada FAS syarikat untuk tindakan selanjutnya.

Pendapat Audit | **Pengurusan stor yang kurang cekap boleh menyebabkan berlakunya penyelewengan, penyalahgunaan, pembaziran dan pemborosan.**

5.3. Tadbir Urus Korporat

5.3.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat meningkatkan kecekapan bagi mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih teratur, telus dan bertanggungjawab. Sebagai sebuah syarikat milik LAP, MASSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat serta SOP. Selain itu, antara rujukan amalan

tadbir urus korporat ialah Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) 2021 dan The Green Book – Enhancing Board Effectiveness (Green Book) April 2016.

5.3.2. Secara keseluruhannya, **hanya satu daripada sembilan aspek tadbir urus yang dinilai telah diamalkan iaitu Ketua Pegawai Eksekutif**. Lapan aspek yang tidak diamalkan sepenuhnya ialah Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, Pelan Strategik, JKA, Audit Dalam dan Jawatankuasa Imbuhan seperti berikut:

5.3.2.1. Pengerusi

- a. Amalan 1.2 MCCG 2021 dan perenggan 2.1.3 *Green Book* menyarankan Pengerusi hendaklah tidak mempunyai kuasa eksekutif serta tidak campur tangan dalam urusan operasi harian syarikat. Selain itu, tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas. Sebagai tadbir urus yang baik, Pengerusi juga hendaklah tidak menganggotai jawatankuasa lain di peringkat Lembaga Pengarah syarikat untuk mengelakkan konflik kepentingan.
- b. **Semakan Audit mendapati tugas dan tanggungjawab Pengerusi tidak dinyatakan dengan jelas**. Perkara ini berlaku kerana MASSB tidak menyediakan Piagam Lembaga Pengarah. Keadaan ini menyebabkan tiada panduan berkaitan peranan Pengerusi dalam Lembaga Pengarah yang boleh dirujuk.

Maklum Balas MASSB yang Diterima pada 19 Mei 2022

MASSB akan mengusul perkara ini ke dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah yang dijangka akan diadakan pada bulan Jun 2022.

5.3.2.2. Lembaga Pengarah

- a. Amalan 2.1 MCCG 2021 menyarankan Lembaga Pengarah hendaklah menyatakan peranan dan tanggungjawab ahli dengan jelas dalam melaksanakan tanggungjawab fidusiari dengan menyediakan terma rujukan dan surat pelantikan.
- b. Semakan Audit mendapati **Piagam Lembaga Pengarah, Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat serta terma rujukan bagi Jawatankuasa**

Imbuan, Jawatankuasa Sebut Harga dan Jawatankuasa Tender tidak disediakan. Ini menyebabkan tiada panduan bertulis mengenai tugas dan tanggungjawab antara Pengerusi, jawatankuasa dan pengurusan yang boleh dirujuk.

Maklum Balas MASSB yang Diterima pada 19 Mei 2022

MASSB akan mengusul perkara ini ke dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah yang dijangka akan diadakan pada bulan Jun 2022.

5.3.2.3. Setiausaha Syarikat

- a. Seksyen 236 Akta Syarikat 2016 menetapkan Lembaga Pengarah hendaklah melantik sekurang-kurangnya seorang Setiausaha Syarikat yang bertauliah dalam tempoh 30 hari daripada syarikat didaftarkan. Pengarah Syarikat hendaklah menentukan terma dan syarat bagi pelantikan Setiausaha Syarikat dan perlu memberikan persetujuan secara bertulis sebelum dilantik.
- b. Semakan Audit berdasarkan surat rujukan ES/26/CYY bertarikh 16 Januari 2002 mendapati MASSB telah melantik syarikat bernombor pendaftaran 118382-V sebagai Setiausaha Syarikat. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati **pelantikan Setiausaha Syarikat tidak diangkat untuk kelulusan Lembaga Pengarah.**
- c. Selain itu, pihak Audit mendapati **MASSB tidak menentukan terma dan syarat pelantikan Setiausaha Syarikat dan hanya menerima pakai terma dan syarat yang dikemukakan oleh syarikat tersebut pada 30 Januari 2019.** Seterusnya, pihak Audit mendapati **persetujuan secara bertulis tidak dibuat. Tiada kontrak perkhidmatan disediakan bagi menentukan skop perkhidmatan Setiausaha Syarikat.**
- d. Perkara ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan pembayaran fi dan kos perkhidmatan kesetiausahaan berjumlah RM26,901 bagi tempoh tahun 2019 hingga Disember 2021 telah dibuat dengan teratur. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 17.**

JADUAL 17
PEMBAYARAN FI DAN KOS PERKHIDMATAN KESETIAUSAHAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

BIL.	JENIS PERBELANJAAN	TAHUN		
		2019	2020	2021
1.	Yuran	9,810.00	4,960.00	2,530.00
2.	Cukai Perkhidmatan	799.92	474.60	199.50
3.	Perjalanan	280.00	215.00	10.00
4.	Telefon / Faks	231.00	349.00	180.00
5.	Percetakan & Alat Tulis	3,026.00	2,391.00	665.00
6.	<i>Stamping & Courier</i>	200.00	295.00	200.00
7.	Pos	-	85.00	-
JUMLAH TAHUNAN		14,346.92	8,769.60	3,784.50
JUMLAH KESELURUHAN		26,901.02		

Sumber: Invois Dan Lejar Am MASSB Bagi Tahun 2019 Hingga Disember 2021

- e. Pihak Audit dimaklumkan oleh Ketua Pegawai Kewangan dan Sumber Manusia bahawa pembayaran fi dan kos perkhidmatan kesetiausahaan dibuat berdasarkan dokumen terma dan syarat yang disediakan oleh syarikat bertarikh 16 Januari 2002 dan 15 Disember 2014.

Maklum Balas MASSB yang Diterima pada 19 Mei 2022

MASSB akan menyediakan surat pelantikan dan kontrak perkhidmatan Setiausaha Syarikat secara bertulis setelah mendapat kelulusan daripada ahli Lembaga Pengarah.

5.3.2.4. Prosedur Operasi Standard (SOP)

- a. Seksyen 246, Akta Syarikat 2016 menetapkan Pengarah bagi sebuah syarikat awam hendaklah mempunyai satu sistem kawalan dalaman bagi melindungi daripada kerugian dan memastikan semua transaksi yang direkodkan adalah betul. Lembaga Pengarah hendaklah memastikan SOP merangkumi proses, prosedur dan polisi yang lengkap dan menyeluruh terhadap aspek kewangan dan aktiviti untuk mengurus syarikat bagi mencapai objektifnya.
- b. Semakan Audit mendapati MASSB mengguna pakai Manual Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 mulai 1 Jun 2008 bagi aktiviti di tiga unit utama iaitu Unit Kontrak, Unit Kawalan serta Unit Kewangan dan Pentadbiran. Seterusnya, pihak Audit mendapati MASSB juga mengguna pakai Polisi Peraturan Kewangan dan Perakaunan MASSB khusus untuk aktiviti di Unit Kewangan dan Pentadbiran. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati **Manual Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 tidak diangkat ke Lembaga Pengarah untuk kelulusan.**

5.3.2.5. Pelan Strategik

- a. Amalan 1.1 MCCG 2021 menyarankan antara tugas Lembaga Pengarah adalah meneliti dan meluluskan Pelan Strategik yang dicadangkan oleh pengurusan syarikat serta memantau pelaksanaannya.
- b. Semakan Audit mendapati **MASSB tidak menyediakan Pelan Strategik bagi tempoh lima tahun**. Bagaimanapun, MASSB mengguna pakai sasaran yang ditetapkan dalam Manual Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015. Perkara yang digariskan dalam manual tersebut ialah prosedur kerja dan senarai borang yang perlu digunakan oleh Unit Kewangan dan Pentadbiran, Unit Kontrak serta Unit Kawalan.
- c. Keadaan ini menyebabkan Lembaga Pengarah tidak dapat memastikan sasaran syarikat menyokong pembentukan nilai jangka panjang yang merangkumi strategi mengenai ekonomi, alam sekitar dan pertimbangan sosial yang mendukung keselamatan syarikat. Selain itu, Lembaga Pengarah tidak dapat mengawasi prestasi syarikat dan menentukan sama ada perniagaan diuruskan dengan betul mengikut Pelan Strategik.

Maklum Balas MASSB yang Diterima pada 19 Mei 2022

Pihak pengurusan akan mengambil tindakan untuk menyediakan Pelan Strategik bagi tempoh lima tahun.

5.3.2.6. Jawatankuasa Audit

- a. MCCG 2021 9.0 dan perenggan 1.2.1 *Green Book* menyarankan Lembaga Pengarah untuk mewujudkan JKA. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menilai dan memberi syor terhadap kawalan dalaman operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah bagi meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat.
- b. Semakan Audit **mendapati bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, JKA tidak ditubuhkan di MASSB**. Perkara ini berlaku kerana MASSB tidak maklum akan keperluan untuk menubuhkan JKA dan MASSB merupakan syarikat yang kecil. Keadaan ini menyebabkan kawalan terhadap tadbir urus dan pengurusan risiko tidak dilaksanakan.

Maklum Balas MASSB yang Diterima pada 19 Mei 2022

Kakitangan yang terhad dan tiada keperluan mendesak menyebabkan pihak pengurusan tidak dapat mewujudkan ahli JKA.

5.3.2.7. Audit Dalam

- a. Panduan 11.1 MCG 2021 menyarankan Audit Dalam hendaklah melaksanakan pengauditan bagi menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus serta menyarankan penambahbaikan yang dapat membantu nilai tambah aktiviti syarikat. Peranan utama Audit Dalam ialah untuk menilai pematuhan, pengurusan kepada dasar dan prosedur yang ditetapkan. Ia membantu JKA dalam menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.
- b. Semakan Audit mendapati **Unit Audit Dalam tidak diwujudkan di MASSB**. Ini menyebabkan pemantauan terhadap kawalan dalaman operasi syarikat bagi meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat tidak dilaksanakan.

Maklum Balas MASSB yang Diterima pada 19 Mei 2022

Pihak pengurusan akan memohon Unit Audit Dalam LAP untuk membuat audit sekiranya perlu.

5.3.2.8. Jawatankuasa Imbuhan

- a. Amalan 7.1 MCG 2021 menyarankan Jawatankuasa Imbuhan diwujudkan bagi mengkaji dan mengesyorkan perkara berkaitan imbuhan Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan syarikat. Jawatankuasa ini hendaklah dipengerusikan oleh Pengarah Bebas dan dianggotai secara sepenuhnya oleh Pengarah Bukan Eksekutif.
- b. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Imbuhan telah ditubuhkan di MASSB dan dikenali sebagai Jawatankuasa Perjawatan dan Gaji yang terdiri daripada dua ahli Lembaga Pengarah dan tiga pegawai pengurusan kanan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati **terma rujukan tidak disediakan bagi memberikan**

garis panduan berkaitan tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa tersebut.

Maklum Balas MASSB yang Diterima pada 19 Mei 2022

Pihak pengurusan akan mengambil perhatian kepada penemuan dan penambahbaikan terhadap terma rujukan Jawatankuasa Perjawatan dan Gaji akan disediakan.

Pendapat Audit | Amalan tadbir urus korporat MASSB kurang memuaskan kerana lapan daripada sembilan aspek tidak diamalkan.

5.4. Kedudukan Kewangan

5.4.1. Prestasi Kewangan

- a. Pendapatan utama MASSB diperoleh daripada bayaran yang diterima daripada LAP bagi kontrak Projek Mengawal Dan Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Berhasil (NRW). Pada tahun 2021, pendapatan utama Syarikat (RM17.94 juta) menunjukkan peningkatan sebanyak RM5.06 juta (39.3%) berbanding tahun 2020 (RM12.88 juta). Pendapatan pada tahun 2020 (RM12.88 juta) pula menurun sebanyak RM0.75 juta (5.5%) berbanding tahun 2019 iaitu sejumlah RM13.63 juta. Peningkatan dan penurunan pendapatan disebabkan perubahan jumlah bayaran kontrak yang diterima daripada LAP.
- b. Perbelanjaan MASSB melibatkan belanja operasi, perbelanjaan pengurusan dan belanja operasi lain. Belanja operasi merupakan perbelanjaan tertinggi MASSB bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 iaitu antara RM10.40 juta (87.4%) hingga RM13.22 juta (86.2%) daripada jumlah perbelanjaan tahunan. Perbelanjaan pengurusan tahunan pula antara RM1.14 juta hingga RM1.51 juta melibatkan perbelanjaan seperti pembayaran gaji kakitangan, sewaan ruang pejabat, elaun Lembaga Pengarah serta insurans kakitangan.
- c. Prestasi kewangan yang baik membolehkan MASSB meluluskan agihan dividen antara RM36,999 hingga RM196,542 kepada LAP pada tahun 2019 hingga 2021. Trend pendapatan dan perbelanjaan; keuntungan sebelum zakat dan


cukai; keuntungan terkumpul; serta aset dan liabiliti bagi tempoh tiga tahun adalah seperti dalam **Jadual 18**, **Carta 3** dan **Carta 4**.

JADUAL 18
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TEMPOH TAHUN 2019, 2020 DAN 2021


BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Pendapatan	13.62	12.88	17.94
Pendapatan Operasi Lain	0.19	0.16	0.12
JUMLAH PENDAPATAN	13.81	13.04	18.06
Belanja Operasi	(11.49)	(10.40)	(13.22)
Perbelanjaan Pengurusan	(1.27)	(1.14)	(1.51)
Belanja Operasi Lain	(0.64)	(0.36)	(0.61)
JUMLAH PERBELANJAAN	(13.40)	(11.90)	(15.34)
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	0.41	1.14	2.72
Cukai	(0.04)	(0.48)	(0.76)
KEUNTUNGAN BERSIH	0.37	0.66	1.96
KEUNTUNGAN TERKUMPUL	10.68	11.30	13.20
JUMLAH ASET	14.63	15.56	18.31
JUMLAH LIABILITI	1.95	2.26	3.11
JUMLAH EKUITI	12.68	13.30	15.20

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit MASSB Bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021

CARTA 3
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019, 2020 DAN
2021



CARTA 4
TREND KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN
KEUNTUNGAN TERKUMPUL BAGI TEMPOH
TAHUN 2019, 2020 DAN 2021



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit MASSB Bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021

Maklum Balas MASSB yang Diterima pada 19 Mei 2022

Penurunan pendapatan pada tahun 2020 disebabkan oleh kekangan kerja-kerja fizikal yang terkesan akibat pandemik Covid-19 yang menghalang pergerakan MASSB secara total.

Sebahagian pendapatan MASSB adalah daripada tuntutan kerja-kerja fizikal (pembaikan) yang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya sepanjang tempoh PKP berkuat kuasa.

Pendapat Audit | **Kedudukan kewangan syarikat adalah kukuh kerana berlaku peningkatan keuntungan bersih setiap tahun.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, MASSB telah berjaya mencapai objektif penubuhan syarikat kerana menyumbang ke arah penurunan kadar NRW Negeri Perak. Bagaimanapun, aktiviti mengawal dan mengurangkan kadar NRW yang ditetapkan dalam kontrak masih belum tercapai sepenuhnya. Aktiviti pembinaan dan pemantauan DMA masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Berdasarkan analisis kewangan yang dijalankan bagi tahun 2019 hingga 2021, kedudukan kewangan MASSB adalah kukuh. Namun begitu, didapati tuntutan bayaran adalah melebihi kos bagi Kontrak 2. Bagi aspek tadbir urus korporat MASSB, secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan kerana lapan daripada sembilan aspek tidak diamalkan sepenuhnya.

7. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan lagi pencapaian objektif penubuhan syarikat serta memantapkan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah MASSB perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan untuk menambah baik perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, MASSB perlu memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 7.1. mengkaji dan menilai semula sasaran yang ditetapkan bagi meningkatkan kecekapan mengawal dan mengurangkan kadar NRW;
- 7.2. memastikan tuntutan bayaran tidak melebihi kos kontrak yang ditetapkan; dan

7.3. mempertingkatkan amalan tadbir urus korporat dengan menyediakan Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat, Piagam Lembaga Pengarah yang lengkap serta memastikan JKA dan Audit Dalam diwujudkan.